



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**TEKS UCAPAN**

**DATUK DR. CHING THOO A/L KIM  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**SEMPENA  
MAJLIS APRESIASI MEDIA NRES 2025**

**HOTEL ALOFT KUALA LUMPUR**

**7 NOVEMBER 2025 (JUMAAT)**

## SALUTASI

**Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam NRES Lestari**

1. **Yang Berbahagia Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
2. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah NRES
3. Pegawai-pegawai Kanan
4. Yang diraikan Ketua-Ketua Pengarang, Para editor
5. Rakan-rakan media
6. Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

## **PENGENALAN**

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas kehadiran semua ke Majlis Apresiasi Media NRES 2025 pada malam ini.
2. Majlis ini adalah tanda penghargaan kami di Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) terhadap peranan penting yang dimainkan oleh rakan-rakan media dalam menyampaikan mesej, dasar dan inisiatif kementerian kepada masyarakat.
3. Sokongan berterusan pihak media dalam mengetengahkan isu-isu alam sekitar, perubahan iklim, pemeliharaan biodiversiti dan kelestarian sumber asli amat kami hargai. Tanpa liputan dan kerjasama anda semua, usaha kami tidak akan sampai ke akar umbi.
4. Malam ini bukan sahaja untuk kita berhibur dan menghargai usaha bersama, tetapi juga sebagai platform memperkukuh hubungan strategik antara NRES dan media.

Hadirin sekalian

## **MENGIKTIRAF PERANAN MEDIA**

5. Kami di NRES melihat media bukan sekadar penyampai berita, tetapi rakan strategik dalam membentuk kesedaran dan sikap masyarakat terhadap alam sekitar dan sumber semula jadi.
6. Setiap laporan, wawancara, dan paparan berita yang dibuat membantu membina kefahaman awam terhadap pelbagai isu seperti penebangan hutan terkawal, pemeliharaan biodiversiti,

pemuliharaan hidupan liar, pengurusan mineral lestari, serta adaptasi terhadap perubahan iklim.

7. Tanpa sokongan dan perhatian media, mesej kelestarian ini mungkin tidak sampai ke seluruh lapisan masyarakat dengan berkesan.

## PROGRAM DAN INISIATIF NRES

8. Sepanjang tahun ini, kementerian bersama jabatan dan agensi pelaksana telah melaksanakan pelbagai program penting di peringkat nasional dan antarabangsa. Antaranya:

- **Kempen Penghijauan Malaysia – Pokok Kita, Kehidupan Kita**, yang diteruskan dengan sasaran penanaman 100 juta pokok menjelang tahun 2025, kini telah melepasi sasaran serta menjangkau 128 juta pokok ditanam di seluruh negara.
- **Program Restorasi Ekosistem Bakau dan Paya Laut**, bagi memperkukuh daya tahan kawasan pesisir terhadap perubahan iklim.
- **Penganjuran Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025** bertemakan “*Planet Lestari, Tanggungjawab Bersama*”

9. Selain itu, kementerian juga menganjurkan pelbagai aktiviti berasaskan komuniti seperti **Kempen Hindari Plastik Sekali Guna, Program Rakan Alam Sekitar**, serta inisiatif **Pendidikan Alam Sekitar** bersama sekolah dan universiti bagi melahirkan generasi yang lebih peka terhadap isu kelestarian.

10. Tahun ini juga menyaksikan Malaysia, melalui NRES, menjadi tuan rumah kepada **Mesyuarat ke-36 ASEAN Senior Officials on Environment (ASOEN)** dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan yang diadakan di **Langkawi pada 28 Julai hingga 31 Julai 2025** dan

**juga Mesyuarat ke-18 ASEAN Ministerial Meeting on the Environment (AMME) Oktober lepas.**

11. Program ini menghimpunkan wakil-wakil kanan daripada negara-negara ASEAN bagi memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang perubahan iklim, biodiversiti, pengurusan bahan kimia dan sisa, serta ekonomi hijau.
  
12. Liputan media sepanjang program tersebut amat membantu memperlihatkan komitmen Malaysia dalam memainkan peranan aktif di peringkat ASEAN dan antarabangsa bagi mencapai matlamat kelestarian alam sekitar serantau.

**Hadirin sekalian,**

### **MENGHARGAI MEDIA**

13. Kami amat menghargai usaha dan profesionalisme rakan-rakan media yang sentiasa komited melaporkan aktiviti NRES dengan cara yang berimbang dan bertanggungjawab.
  
14. Kami memahami bahawa di sebalik setiap laporan berita yang berkualiti, terdapat kerja keras di lapangan — menempuh cabaran cuaca, masa yang terhad dan keperluan untuk memastikan ketepatan fakta.
  
15. Justeru, majlis ini adalah tanda penghargaan kami terhadap dedikasi dan sumbangan semua rakan media yang telah menjadi jambatan penghubung antara kementerian dan masyarakat.

## PENUTUP

16. Melangkah ke tahun 2026, NRES akan terus memperkukuh agenda **kelestarian alam, pemeliharaan biodiversiti dan pengurusan sumber asli secara berhemat.**
  
17. Dalam mencapai matlamat ini, kami amat memerlukan **sokongan dan kerjasama berterusan daripada pihak media.** Kami percaya bahawa **komunikasi yang terbuka, telus dan berterusan** antara kementerian dan media akan membolehkan maklumat yang sahih dan positif terus sampai kepada rakyat.
  
18. Malam ini adalah untuk anda. Sebagai penghargaan atas segala dedikasi, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan. Semoga ia menjadi pemangkin kepada hubungan yang lebih erat dan dinamik antara NRES dan rakan-rakan media.
  
19. Akhir kata, nikmatilah malam ini. Terima kasih atas kehadiran anda semua, dan semoga kerjasama kita akan terus diperkukuh demi alam sekitar yang lebih lestari dan masa depan generasi akan datang. Semoga hubungan baik ini akan terus mekar dan memberi manfaat kepada semua pihak.

**Sekian, terima kasih.**